

Barang lusuh punca kes demam denggi naik



Antara barang lusuh yang dilupuskan bagi membendung wabak denggi di Flat Taman Setapak Indah Fasa 7.

Enam kes dicatatkan dalam tempoh sebulan di Flat Taman Setapak Indah Fasa 7

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Barang lusuh disimpan dalam beberapa unit rumah dipercayai antara punca kes demam denggi di Flat Taman Setapak Indah Fasa 7 di sini meningkat.

Dewan Badaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjelaskan, sebanyak enam kes demam denggi dicatatkan di lokaliti berkenaan dalam tempoh 30 hari bermula dari 7 Januari hingga 6 Februari lalu.

"Susulan itu sebanyak tiga buah lori telah disediakan bagi mengangkut barangan lusuh berkenaan dalam satu program gotong-royong yang telah diadakan bagi membendung wabak denggi di sini.

“

Susulan itu sebanyak tiga buah lori telah disediakan bagi mengangkut barangan lusuh berkenaan dalam satu program gotong-royong yang diadakan bagi membendung wabak denggi di sini.”

“Selain itu pembersihan persekitaran dan cantasan pokok turut dilakukan atas kesedaran penduduk kerana ia juga merupakan tempat pembiakan nyamuk aedes,” ujarnya dalam kenyataan di Facebook pada Ahad.

Terdahulu, perasmian program gotong-royong tersebut disempurnakan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lain Chen Heng.

Program melalui Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar itu mendapat kerjasama Pejabat Cawangan Wangsa Maju, Pejabat Pengurusan

Perbadanan Flat Taman Setapak Indah, SWCorp dan Alam Flora.

DBKL memaklumkan, pejabat pengurusan turut mengeluarkan notis kepada unit-unit rumah yang didapati menyimpan barangan lusuh berkenaan, sekali gus melupuskannya.

“DBKL menasihatkan warga Kuala Lumpur supaya menitik beratkan kebersihan di persekitaran rumah masing-masing dan luangkan sedetik waktu pada hujung minggu untuk membuat pemeriksaan sendiri tempat pembiakan nyamuk aedes.

“Lupuskan dan buang barang lusuh yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes,” ujarnya.

Jelasnya lagi, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 denda tidak melebihi RM500 akan dikenakan terhadap pemilik premis sekiranya tempat pembiakan dijumpai oleh kakitangan kesihatan.

“Oleh itu, ambil tindakan segera dengan cara cari dan musnah tempat pembiakan,” tambahnya.